

Penyelidik UPM harumkan nama negara di Belgium



DARI kiri Dr Ishak, Dr Adzir, Dr Rogers Van Roosbroeck (Presiden Juri Antarabangsa), Dr Shuhaimi, Dr Azni, Dr Raja Noor Zaliha dan Dr Lai bersama sijil yang dimenanginya.

Oleh Rosniza Mohd Taha
rosniza@bharian.com.my

HANYA menerusi 34 penyertaan, penyelidik negara mendominasi penerimaan pengiktirafan pada Pameran Dunia Inovasi, Penyelidikan dan Teknologi Ke-57 (Innova) Brussels, Belgium baru-baru ini apabila dikurniakan 33 pingat iaitu 18 emas, 12 perak dan tiga gangsa serta empat anugerah khas.

Ketua Delegasi Malaysia, Prof Madya Dr Ratnasamy Muniandy, berkata walaupun bersaing dengan 371 penyertaan daripada 29 negara lain, 98 peratus produk penyelidikan Malaysia dari enam institusi pengajian tinggi

dan satu institusi penyelidikan menerima markah lebih 60 peratus sekali gus layak menerima sekurang-kurangnya pingat gangsa pada pameran yang berlangsung dari 13-15 November lalu itu.

Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi penyumbang terbesar apabila meraih sembilan pingat iaitu lima pingat emas, tiga perak dan satu anugerah khas; Universiti Malaysia Perlis emas (dua), perak (satu) anugerah khas (satu); Universiti Sains Islam Malaysia emas (dua), perak (satu) gangsa (dua); Universiti Teknologi Mara emas (tiga), perak (empat) gangsa (satu); Universiti Teknologi Petronas emas (tiga), perak

(satu), anugerah khas (dua); Universiti Tenaga Nasional emas dan perak masing-masing satu serta Mardi menerima dua emas dan satu perak.

Beliau selaku juri antarabangsa pertandingan berkenaan berkata banyak pihak mengkagumi mutu produk kajian penyelidik negara yang diketengahkan menerusi pameran itu dan berminat mengkomesilkannya di negara mereka.

"Sebanyak 405 produk penyelidikan dipertandingkan daripada 30 negara dan hanya kira-kira 30 peratus daripadanya iaitu 120 produk layak menerima pingat dengan kutipan markah lebih 60 peratus.

"Malaysia memberi saingan hebat kepada negara maju seperti Hungary serta Rusia kerana mutu dan nilai komersial tinggi dan ini terbukti apabila hampir semua produk kita layak menerima pingat sekaligus menjadikan delegasi negara terbanyak menerima pengiktirafan pada pameran berkenaan," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Ratnasamy berkata antara produk penyelidikan negara yang menarik perhatian banyak pihak pada pameran itu adalah hasil kajian Prof Madya Dr Lai Oi Ming dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM yang memenangi pingat emas iaitu Acylglycerol Esters.